

# MICPA iktiraf graduan perakaunan

**BERITA HARIAN**

**10 5 NOV 2009**

**I**NSTITUT Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), baru-baru ini, menyampaikan dua kategori anugerah kecemerlangan kepada pelajar dan graduan terbaik dalam perakaunan.

Anugerah Kecemerlangan Graduan Perakaunan Terbaik disampaikan kepada graduan ijazah perakaunan 10 institusi pengajian tinggi tempatan, manakala Anugerah Kecemerlangan Pelajar Certified Public Accountant (CPA) Terbaik pula untuk pelajar cemerlang peperiksaan MICPA.

Naib Presiden MICPA, Datuk Ahmad Johan Mohammad Raslan, berkata pemberian dua anugerah itu sebagai penghormatan dan pengiktirafan graduan mencapai prestasi cemerlang dalam pengajian perakaunan.

Penerima Anugerah Kecemerlangan Graduan Perakaunan Terbaik ialah Nur Wahyu Ya'acob (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), Chu Shze Cheng (Universiti Kebangsaan Malaysia), Goh Chwee Luan (Universiti Malaya).

Noor Salyena Hassan



*Pemberian dua anugerah itu sebagai penghormatan dan pengiktirafan graduan mencapai prestasi cemerlang dalam perakaunan"*

**Ahmad Johan Mohammad Raslan**  
Naib Presiden MICPA

(Universiti Teknologi Mara), Muhammad Nor Imran Abu Bakar (Universiti Putra Malaysia), Ng Yi Sheue (Universiti Utara Malaysia) dan Lee Pei Chek (Universiti Sains Malaysia).

Xavier Arvind David Lawrence (Universiti Multimedia), Kweh Qian Long (Universiti Tenaga Nasional) dan Julian Goh Hing Jun (Monash University, Kampus Sunway), manakala Serene Khor Sew Lin yang kini berkhidmat dengan Ernst & Young, Kuala Lumpur menerima Anugerah CPA Terbaik.

Penerima sijil dan hadiah MICPA pula ialah Hadirah Zulkifli (Advanced Taxation), Nur Amiza Aman dan Teh Suet Ghoon (Advanced Auditing & Assurance) dan Ng Wing Keung (Advanced Financial Reporting).